



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 10 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	ANTI-SEXUAL ABUSE INITIATIVES BEING SET UP IN SELANGOR SCHOOLS		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/09/anti-sexual-abuse-initiatives-being-set-up-in-selangor-schools	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PUTRI QISYA NAMPAK MATANG, EMOSI MASIH KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/09/putri-qisya-trauma-jkm-kedah-sediakan-kaunseling/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737781/edisi/utara/qisya-kelihatan-matang-tapi-jiwa-kecilnya-masih-bergelut-dengan-trauma#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/07/1242094/welfare-dept-vetting-suitable-guardians-girl-orphaned-sungai-korok	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	ANAK OKU: MASYARAKAT MASIH TERPERANGKAP DALAM TEKATAN		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/anak-oku-masyarakat-masih-terperangkap-dalam-tekatan	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	P. PINANG RANCANG PERBANYAK FSP BANTU MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/p-pinang-rancang-perbanyak-fsp-bantu-mangsa-keganasan-rumah-tangga-528543	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/nnews.php?id=2442928	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

10/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BERANI BERSUARA, TAPI BERADABLAH		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2442658	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	OVER 60PC CANCERS DETECTED LATE		NEGATIF
	https://www.dailyexpress.com.my/interest/2850/over-60pc-cancers-detected-late/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	88 peratus pelatih JKM dapat kerja tetap		POSITIF
	https://suarasarawak.my/88-peratus-pelatih-jkm-dapat-kerja-tetap/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/09/pelatih-plkk-mahu-teroka-industri-minyak-dan-gas/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/09/15-pelatih-terima-sijil-plkk-basic-scaffolding/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BUKTI KOMITMEN ESG		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/WM/2025/07/1238729/bukti-komitmen-esg	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	RUMAH DIHEMPAP POKOK, IBU TUNGGAL RAYU BANTUAN		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rumah-dihempap-pokok-ibu-tunggal-rayu-bantuan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238810/aimi-menangis-rumah-ranap-sekelip-mata	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	IBU TUNGGAL GUNA WANG PTPTN ANAK TAMPUNG BELANJA HARIAN		NEGATIF
	https://thesun.my/cerita/berita/ibu-tunggal-guna-wang-ptptn-anak-tampung-belanja-harian-DC14439831	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2443198	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sakit-kronik-ibu-tunggal-ikat-perut-demi-anakanak-528657?utm_source=pulse-microsite&utm_medium=berita-popular-chartbeat&utm_campaign=20250709+Pulse+Berita+Popular	ASTROAWANI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/09/single-mother-turns-to-daughter039s-ptptn-loan-to-survive-financial-hardship	THESTAR.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737784/edisi/terengganu/sakit-kronik-ibu-tunggal-ikat-perut-demi-anak-anak	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/single-mother-uses-daughter-s-ptptn-loan-for-survival-in-dungun-JC14439462	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	'SAYA BERSERAH KEPADA ALLAH' - IBU 5 ANAK HIDAP KANSER RAHIM GAGAL RAWATAN KERANA KEKANGAN WANG		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238947/saya-berserah-kepada-allah-ibu-5-anak-hidap-kanser-rahim-gagal-rawatan	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	BAPA MENGAKU TIDAK BERSALAH CABUL DUA ANAK PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/bapa-mengaku-tidak-bersalah-cabul-dua-anak-perempuan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/09/bapa-amang-seksual-dua-anak-lepas-bercerai/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/07/bapa-muflis-didakwa-amang-seksual-dua-anak-kandung/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1417674/duda-didakwa-cabul-dua-anak-perempuan	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	WARGA PAKISTAN, SUSPEK UTAMA KES LIWAT 4 KANAK-KANAK DITAHAN DI KEDAH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238797/warga-pakistan-suspek-utama-kes-liwat-4-kanak-kanak-ditahan-di-kedah?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/suspek-utama-kes-liwat-kanak-kanak-di-shah-alam-ditahan-di-kedah-GC14437067	THESUN.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/07/lelaki-pakistan-cabul-budak-remaja-dicekup-di-kedah/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-pakistan-ditahan-kes-liwat-amang-seksual-kanakkanak-di-shah-alam-528576	ASTROAWANI.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/suspek-utama-kes-liwat-4-kanak-kanak-ditahan-di-kedah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2443024	BERNAMA.COM	
	https://www.getaran.my/artikel/semasa/61266/kes-liwat-4-kanak-kanak-suspek-diberkas-di-kedah	GETARAN.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/09/warga-pakistan-cabul-liwat-kanak-kanak-di-shah-alam-ditahan-di-kedah/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1242194/pakistani-man-arrested-molesting-boys-planned-hide-kedah-rubber	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

10/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1417532/liwat-cabul-budak-suspek-utama-warga-pakistan-diberkas-tak-sempat-larikan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/09/warga-pakistan-suspek-cabul-liwat-kanak-kanak-ditahan-polis	FREEMALAYSITODAY.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/748492	MALAYSIAKINI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	DUA REMAJA SAMUN, 'RATAH' PELAJAR IPTA DALAM KEBUN SAWIT		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/09/dua-remaja-samun-ratah-pelajar-ipta-dalam-kebun-sawit/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1417595/kes-samun-rogol-pelajar-ipta-di-pagoh-2-remaja-direman-bantu-siasatan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737839/berita/semasa/2-remaja-ditahan-disyaki-samun-rogol-berkumpulan-di-ladang-kelapa-sawit	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/09/dua-remaja-termasuk-bawah-umur-direman-kes-samun-rogol-penuntut-ipta/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/09/pagoh-gang-rape-teen-among-two-arrested-after-couple-attacked-near-johor-plantation/183367	MALAYMAIL.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=GrxJ3f1u4J4	YOUTUBE	
	https://www.thevibes.com/articles/news/110280/teens-remanded-in-connection-with-robbery-and-rape-of-university-student	THEVIBES.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1242129/17-year-old-among-two-arrested-robbing-raping-university-student	NST.COM.MY	
	https://says.com/my/news/2-teenagers-allegedly-rape-a-pagoh-university-student-after-robbing-her-boyfriend	SAYS.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	CEO BATU DITUDUH AMANG SEKSUAL BUKAN FIZIKAL ESOK		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/ceo-batu-dituduh-amang-seksual-bukan-fizikal-esok/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/ceo-batu-didakwa-kes-amang-seksual-bukan-fizikal-esok/	BULETINTV3.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1242317/influencer-be-charged-child-sexual-harassment-possession-obscene	NST.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1417828/ceo-batu-didakwa-kes-amang-seksual-bukan-fizikal-esok	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1239031/pem-pengaruh-hantar-mesej-lucah-kepada-remaja-didakwa-esok?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737872/berita/semasa/ceo-batu-dituduh-esok-dan-lusa---polis	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://harapandaily.com/2025/07/09/padah-hantar-mesej-x-kepada-remaja-ceo-batu-didakwa-kes-amang-seksual-bukan-fizikal-esok/	HARAPANDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
16	KEMALANGAN, PENDERAAN BERTERUSAN PUNCA KECEDERAAN DI BADAN MANGSA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238838/kem-alangan-penderaan-berterusan-punca-kecederaan-di-badan-mangsa	HMETRO.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2443119	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/09/mangsa-bunuh-disyaki-didera-suspek-polis/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-bunuh-disyaki-didera-suspek-polis-528636	ASTROAWANI.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/09/lelaki-maut-dibunuh-dua-beranak-tiada-kaitan-kes-along/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1417604/kecederaan-di-badan-lelaki-ditemukan-mati-disahkan-akibat-penderaan-dan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737803/berita/semasa/kes-bunuh-kerana-hutang-kesan-kecederaan-mangsa-akibat-kemalangan-penderaan-berterusan---polis	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anti-sexual abuse initiatives being set up in Selangor schools

By WANI MUTHIAH

NATION

Wednesday, 09 Jul 2025

5:39 PM MYT

KLANG: Extensive advocacy initiatives are being implemented in schools in Selangor as one of the multi-pronged approach to counter the sexual abuse of minors in the state.

Selangor women empowerment and welfare committee chairman Anfaal Saari said that phone numbers to lodge complaints of sexual abuse and assaults were made available in schools for students to reach out for help.

"The schools' counsellors are also actively involved in seeing this through," added Anfaal.

She said the state government has also, since 2024, been collaborating with the welfare department to advocate protection of minors from sexual abuse.

"We have to handle sexual crimes against children, which is on the increase, very seriously," said Anfaal.

Recently a Deputy Public Prosecutor, in her submission at the Klang Sessions court where five men were separately charged for sexual crimes against children in unrelated cases, had said the number of sexual crimes against minors was on the increase in Selangor.

One of the two persons who had pleaded guilty was a 37-year-old lorry driver and father of two, who had raped his 11-year-old daughter on two occasions when his wife was not home.

The second person who pleaded guilty was a 19-year-old public university student who admitted to performing oral sex on his eight-year-old cousin once and groping her on two other occasions.

Anfaal said the number of sexual crimes against children may be showing an increase due to the escalated awareness to report such crimes, by victims, as well as those who learnt of the abuses.

She added that, moving on towards 2026, the state government will initiate measures to ensure children's safety in line with the nation's child development policies.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Putri Qisya nampak matang, emosi masih kanak-kanak

Oleh JAMLIAH ABDULLAH 9 Julai 2025, 12:16 pm



PUTRI Qisya ketika ditemui di rumah neneknya di Kampung Bohor Karang di Jerlun semalam. Foto oleh SHAHIR NOORDIN/ KOSMO!

ALOR SETAR – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah akan menyediakan bantuan kaunseling kepada Putri Qisya Nur Izzat Mohamad Azim, 12, anak sulung kepada pasangan suami isteri yang terkorban bersama empat anak dalam nahas di Sungai Korak, Jitra, Sabtu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat Perpaduan negeri, Datuk Halimaton Shaadiah Saad berkata, pihaknya mengarahkan JKM Kedah agar memantau kebajikan remaja tersebut secara berterusan, memandangkan Putri Qisya kini yatim piatu.

“Saya menziarahi Putri ini semalam pada ketika ini dia memang emosi (trauma) apabila saya pegangnya, dia menggigil. Putri ini walaupun kita tengok dia matang tetapi dari segi emosi dia masih kanak-kanak. Dia trauma juga.

“Justeru, saya telah meminta JKM Kedah untuk terus memantau keadaan dan kebajikan Putri Qisya, termasuk memberikan khidmat kaunseling dari semasa ke semasa,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Menurutnya, JKM juga akan menjalankan siasatan bagi menentukan waris yang layak bagi mendapatkan hak penjagaan terhadap remaja tersebut.

“Kadang-kadang ada perebutan antara waris itu jadi kita akan tengok (siasat). Kita akan tengok dengan siapa dia akrab dan selesa. Penentuan hak penjagaan akan dibuat mengikut prosedur operasi standard (SOP) di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

“Siasatan terperinci perlu dilakukan bagi memastikan Putri Qisya ditempatkan di bawah jagaan individu atau keluarga yang benar-benar layak dan mampu menjaganya dengan baik,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan, pihaknya juga akan memberi peluang kepada remaja tersebut sekiranya dia ingin menetap di mana-mana asrama yang akan diuruskan oleh pejabat zakat negeri ini. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anak OKU: Masyarakat masih terperangkap dalam tekanan

Kolum - Dicapta: 09 Julai 2025 09:05 AM



Antara program motivasi dijalankan dalam membantu ibu bapa anak OKU dalam pengurusan stres, termasuk webinar pada 12 Julai 2025 di SK Bandar Baru Kuala Selangor/Foto Penuffe

SAUDARA PENGARANG

"Anak istimewa bukanlah satu beban, tetapi anugerah untuk mendidik hati lebih sabar dan reda." Di sebalik senyuman anak-anak orang kurang upaya (OKU) dalam sesebuah keluarga, terselit satu amanah besar yang perlu digalas oleh para ibu bapa mereka, khususnya cabaran membesarkan anak-anak OKU ini dalam dunia yang belum sepenuhnya inklusif buat mereka.

Meskipun kesedaran terhadap keperluan dan hak OKU menunjukkan peningkatan daripada segi dasar dan advokasi masyarakat, namun masih wujud sebahagian komuniti yang kekal dengan persepsi lapuk yang melihat anak-anak OKU sebagai satu beban dan tidak mempunyai sebarang potensi dalam kehidupan.

Tekanan emosi, kewangan, sosial dan spiritual adalah antara cabaran utama yang dihadapi oleh keluarga anak-anak istimewa ini, manakala persepsi masyarakat pula menjadi cerminan sejauh mana nilai empati, simpati dan penerimaan benar-benar wujud dalam budaya masyarakat sekeliling.

Tekanan Sebenar Ibu Bapa

Menurut data yang dicatatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat lebih 681,000 OKU berdaftar di Malaysia sehingga tahun Disember 2023, dan lebih 170,000 daripada jumlah itu merupakan kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun.

Diikuti pelbagai kemajuan telah diwujudkan dalam dasar pendidikan dan perlindungan anak-anak OKU, namun tanpa disedari para ibu bapa masih terperangkap dalam tekanan daripada pelbagai sudut.

• Emosi

Rasa malu mempunyai anak kurang upaya, terasing atau perasaan tidak akan diterima oleh masyarakat.

• Kewangan

Kos rawatan dan terapi yang diperlukan, tidak termasuk keperluan-keperluan khas anak-anak OKU ini.

• Akses Pendidikan

Hanya sekitar 27,000 murid OKU mendapat pendidikan khas dilaporkan pada tahun 2023, tidak sampai separuh dari jumlah keseluruhan kanak-kanak OKU berdaftar.

• Sosial

Kurangnya sokongan daripada komuniti, tiada maklumat atau pengetahuan dengan mana-mana komuniti sokongan selain wujudnya stigma dan diskriminasi dalam kalangan masyarakat.

Persepsi masyarakat pula sering kali terbentuk akibat pemikiran stereotip dan salah faham, misalnya mereka menganggap anak OKU sebagai suatu beban atau menilai tindakan ibu bapa anak-anak ini sebagai terlalu 'memanjakan' anak mereka.

Memberi Sokongan Melalui Sistem dan Empati

Untuk meringankan beban keluarga anak-anak OKU ini, pendekatan secara menyeluruh amat diperlukan. Kempen kesedaran secara berterusan perlu dilaksanakan dengan meluas melalui media massa, media sosial, sekolah dan institusi awam untuk mendidik masyarakat tentang keperluan dan pengurusan anak-anak istimewa ini OKU. Selain itu, suara ibu bapa mereka juga perlu didengari oleh pihak berkenaan atau pihak berwajib terutama dalam menetapkan sebarang dasar berkaitan OKU.

Para ibu bapa tersebut juga memerlukan sokongan psikososial daripada masyarakat untuk memperoleh kekuatan dan semangat dalam menghadapi cabaran membesarkan anak-anak mereka. Sesi kaunseling khas dan terapi emosi ibu bapa mungkin merupakan antara cadangan yang boleh membantu mereka. Komuniti setempat juga boleh membentuk kumpulan sokongan bagi memberi persekitaran inklusif buat mereka.

Seperti yang kita sedia maklum, kemudahan mesra OKU perlu sentiasa ditambah baik di sekolah dan tempat-tempat awam selain dalam pengangkutan awam di Malaysia. Insentif cukai, elaun penjagaan dan akses kepada terapi mampu milik juga merupakan antara perkara yang perlu dititikberatkan.

Penyelesaian dalam Perspektif Islam

Menurut Agama Islam, anak-anak OKU ini tidak dilihat sebagai beban, malah dianggap sebagai ujian dan amanah yang besar nilainya di sisi Allah. Disebutkan oleh Allah S.W.T dalam Surah at-Taghabun ayat 15 yang bermaksud:

"Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanyalah ujian (bagimu), dan di sisi Allah pahala yang besar." Dan Allah S.W.T berfirman lagi dalam surah al-Insyirah ayat 6, "Sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kemudahan."

Allah menyebut bahawa setiap anak itu adalah ujian dan cabaran buat ibu bapanya, maka dengan penuh pasti ganjaran pahala pasti akan mengiringi. Justeru, ibubapa yang menjaga anak istimewa dengan sabar telah dijanjikan dengan ganjaran yang besar di akhirat kelak.

Seterusnya, umat Islam dituntut agar mempunyai belas kasihan dan menyantuni golongan yang lemah termasuklah anak-anak OKU dan keluarga mereka. Agama Islam menolak sebarang diskriminasi kerana setiap manusia tanpa mengira kemampuan fizikal atau mental selayaknya dihormati dan diperlakukan dengan penuh ihsan.

Perubahan Bermula Dari Hati

Pengalaman membesarkan anak OKU merupakan satu perjuangan dan cabaran yang amat getir untuk diharungi. Namun, dengan sokongan sosial, kefahaman masyarakat dan pegangan agama yang kuat, akan dapat membantu meringankan beban dan tekanan yang ditanggung oleh ibu bapa kepada anak-anak istimewa ini.

Bukan sekadar simpati yang diperlukan daripada masyarakat khususnya komuniti setempat, bukan juga sekadar penguatkuasaan undang-undang atau kempen, tetapi pemahaman dan sokongan moral serta ruang sosial yang amat diperlukan oleh keluarga anak-anak OKU ini untuk terus kuat dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Masyarakat juga seharusnya bersedia bersama-sama membentuk ekosistem yang menyokong antara satu sama lain. Sedarilah bahawa perubahan yang hakiki bermula daripada hati, apabila kita sebagai anggota masyarakat mula melihat anak-anak OKU bukan sebagai beban, tetapi sebagai sebahagian daripada kita yang wajar disantuni dengan penuh kasih sayang dan penghormatan.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Zaleha Aminuddin

Aktivist komuniti/Pengerusi

Persatuan Alumni SK Bandar Baru Kuala Selangor

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



P. Pinang rancang perbanyak FSP bantu mangsa keganasan rumah tangga



Bernama

09/07/2025 | 05:00 MYT



Kerajaan Pulau Pinang merancang memperbanyak Titik Sokongan Pertama (First Support Points) (FSP), iaitu individu yang terlatih dalam menangani kes keganasan rumah tangga di negeri itu. - Foto Facebook Lim Siew Khim

GENEVA (Switzerland): Kerajaan Pulau Pinang merancang memperbanyak Titik Sokongan Pertama (First Support Points) (FSP), iaitu individu yang terlatih dalam menangani kes keganasan rumah tangga di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam Pulau Pinang, Lim Siew Khim berkata, FSP bertindak sebagai barisan pertama yang akan merujuk kes-kes keganasan rumah tangga kepada agensi berkaitan secara sulit dan berkesan.

"Kita sudah melatih lebih 500 FSP dan kita akan memperluas FSP ini," katanya kepada media, di sini, baru-baru ini.

Aplikasi Penang Stop Violence yang dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama kerajaan negeri bagi menghubungkan mangsa keganasan rumah tangga dengan FSP meraih johan bagi kategori C10: Ethical Dimension of the Information Society pada Anugerah Sidang Kemuncak Masyarakat Maklumat Sedunia (WSIS) 2025.

"Kerajaan negeri akan terus komited untuk memperluas inisiatif ini serta meneroka lebih banyak pendekatan berasaskan teknologi yang mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan rakyat demi mewujudkan Pulau Pinang yang lebih baik dan lebih selamat untuk semua," katanya.

Anugerah WSIS dianjurkan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) dengan kerjasama agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meraikan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang memacu kemajuan ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SUARA BELIA

Berani Bersuara, Tapi Beradablah



09/07/2025 09:42 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang



Oleh:
Nurfilzah Emily Mohamad Khairuddin

Di zaman serba laju ini, media sosial telah menjadi medan terbuka yang menyaksikan ledakan suara dari pelbagai arah. Suara marah, kecewa, sinis mahupun suara hati yang tidak sempat disaring oleh akal dan iman. Ruang maya kini berubah wajah menjadi gelanggang tanpa batas, tempat manusia melontar pendapat sewenang-nya tanpa memikirkan kesan atau siapa yang bakal terluka. Benar, kebebasan bersuara itu hak yang dijamin. Namun, apakah setiap kata yang melintas di fikiran perlu dilontarkan kepada dunia tanpa timbang rasa dan pertimbangan?

Fikir Dulu Sebelum Bicara

Dalam warisan Melayu yang penuh santun, kita diajar bahawa nilai budi jauh lebih tinggi daripada keberanian berkata-kata. Bukan semua yang kita rasa perlu diungkapkan dan bukan semua yang kita tahu perlu diumumkan.

Adab mendahului ilmu, hikmah mendahului hujah. Pepatah lama seperti "kerana mulut, badan binasa" atau "cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar" seolah-olah telah luput dari pegangan sebahagian masyarakat hari ini. Hakikatnya, kata-kata yang ditulis meskipun tanpa suara tetap mampu mencederakan. Dan apabila luka itu bersifat batin, parutnya jauh lebih dalam dan meninggalkan kesan yang tidak mudah terpadam.

Agama pula sebagai tunjang akhlak tidak pernah membenarkan umatnya berbicara sesuka hati. Rasulullah SAW mengingatkan kita dalam hadis riwayat al-Bukhari (6018), "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka berkatalah yang baik atau diam." Dalam ajaran Islam, kebijaksanaan bukan diukur melalui banyaknya bicara tetapi pada sejauh mana seseorang mampu menahan lidah atau dalam konteks hari ini, menahan jarinya daripada menaip perkara yang tidak membawa manfaat.

Menegur itu perlu tetapi biarlah dengan kasih. Melontar pandangan itu wajar tetapi biarlah dengan hikmah. Mengaibkan bukan bentuk nasihat, menghina bukan lambang keberanian dan memukau orang lain bukan satu bentuk kejujuran yang dianjurkan oleh agama, sebaliknya adalah bentuk kealpaan yang dibalut ego.

Jangan Salah Guna Ruang Maya

Ramai yang tersalah faham bahawa platform peribadi di media sosial memberi lesen untuk bercakap apa sahaja kononnya "ini ruang aku, ini hak aku." Namun, setiap patah perkataan yang kita pilih untuk dipamerkan di ruang awam sebenarnya menjadi cerminan siapa diri kita. Lebih daripada itu, ianya memberi kesan rantaian. Apa yang ditulis boleh menyalaikan api kemarahan, mengundang perdebatan toksik, malah menanam benih kebencian dalam hati yang belum sembuh.

Kata-kata buruk yang kita anggap kecil mungkin menjadi sebab seseorang hilang harapan, kepercayaan dan ketenangan. Maka janganlah terlalu bangga dengan tulisan yang mengundang tawa di satu pihak tetapi meninggalkan luka yang dalam di pihak yang lain.

Budaya Melayu mengangkat martabat bahasa dan menyanjung tinggi nilai santun. Dalam adat kita, tutur bicara bukan sekadar alat komunikasi tetapi juga lambang hormat, akal dan hati. Menegur juga ada seninya iaitu disampaikan dengan lemah lembut, bertempat dan berhikmah.

Begini juga dalam nilai Islam. Kebenaran yang disampaikan tanpa adab hanya akan menjadi suara sumbang yang dibenci. Alangkah ruginya jika niat menasihati tenggelam dalam nada menghukum. Lebih malang lagi apabila pendapat peribadi yang berbau kebencian dianggap sebagai kebenaran menegakkan prinsip. Tidak semua kebenaran perlu diumumkan secara terbuka apatah lagi dengan niat membakar dan memalukan.

Kembali Kepada Asas Nilai Budi

Ruang maya sepatutnya menjadi wadah menyemai kasih sayang, tempat memperluas kefahaman dan mempererat silaturahim. Tetapi jika kita sendiri memilih untuk menjadikannya tempat melampiaskan amarah, siapa yang sebenarnya sedang kita sakiti? Orang lain? Atau diri sendiri yang sedang tenggelam dalam ilusi kebenaran mutlak? Fikirkan, adakah tulisan ini akan menyembuhkan atau menyakitkan? Adakah kata-kata ini akan membina atau meruntuhkan? Kalau hanya akan membakar, mengapa perlu dicetuskan? Kalau hanya akan memecahbelahkan, mengapa perlu dipertahan?

Akhir kata, marilah kita kembali kepada asas kehidupan yang sebenar iaitu nilai budi, timbang rasa dan iman yang murni. Kebebasan bersuara bukan lesen mencaci. Pandangan kita bukan mutlak benar dan tidak semua perbezaan perlu dijadikan medan pertempuran. Biarlah tulisan kita menjadi sumber cahaya, bukan bayang-bayang yang menyesatkan. Dalam dunia yang sudah cukup hising dengan suara kebencian, jadilah insan yang memilih untuk berdiam ketika perlu dan bersuara hanya apabila kata-kata itu mampu menyembuhkan. Itu bukan kelemahan, itu adalah kekuatan sebenar seorang manusia beraikal.

-- BERNAMA

Nurfilzah Emily Mohamad Khairuddin ialah Kaunselor Berdaftar dan Pegawai Penerangan (MyStep) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN WPKI).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Over 60pc cancers detected late

Published on: Wednesday, July 09, 2025
By: Clarence Dol



Jonathan hitting the gong as he officiates at the programme.

RANAU: Early detection and quick treatment give patients a good chance of recovery, as more than 60pc are detected for cancer at a late stage.

Ranau MP Datuk Jonathan Yasin said a study found that 63.7pc of all cancers are detected at a late stage, namely at stage III and stage IV.

"In Malaysia, there are three types of cancer that occur most frequently among women, namely breast cancer (33.9pc), followed by colorectal/intestinal cancer (10.7pc) and cervical/uterine cancer (6.2pc)," he said when officiating the Ranau District Level Cancer Screening Tour Programme held at the SK ST Benedict Ranau Hall, recently.

"Meanwhile, among men, the most frequent cancers are colorectal/large intestine cancer (16.9pc), lung cancer (14.8pc) and prostate cancer (8.1pc)."

Realising this, he said, the cancer tour programme is the best medium to encourage the community to undergo cancer screening and become a platform for the community to obtain information regarding health education.

He thanked the organisers, namely the Ranau District Health Office led by the Administrative Medical Director of the Ranau District Health Office, Dr Wong Yoke Kong, for organising the programme.

He also congratulated the staff from the Ranau District Health Office, Health Clinics in Kundasang, Bundu Tuhan, Lohan, Perancangan, Paginatan, Timbua and Kalngaran Health Clinic who were on duty throughout the programme.

"Your dedication in ensuring the programme runs smoothly and the delivery of health screening services is greatly appreciated," he said.

According to Jonathan, the Cancer Screening Tour Programme is a community programme organised by the Sabah State Health Department (JKNS) in collaboration with government agencies and non-governmental organisations (NGOs) such as the National Cancer Council (Makna) and National Population and Family Development Board (LPPKN).

"This year, the Ranau District Health Office has been chosen as the host. I was informed that the programme started on May 14, 2025.

"Various interesting activities are provided to the public, including a screening programme that opens its arena at the Kundasang Cultural Stage.

"The selection of this location is intended to provide the widest opportunity and space for the surrounding residents to come and visit and subsequently obtain the services provided since the selected location is located halfway between the Kundasang area and the Bundu Tuhan area," he said.

"We are also very lucky, because Makna participated and brought with it a mobile trailer to Ranau District to enable Mammogram Tests and Bowel Cancer Screening Tests to be carried out comfortably, especially for the people of Ranau District.

"In addition to Mammogram Tests and Bowel Cancer Screening Tests conducted by Makna, LPPKN also offers cervical cancer screening services through HPV / Cervical Cancer Tests including Mammogram Tests to detect breast cancer," he said.

Jonathan said other services also offered to the residents of Ranau District include oral cancer detection conducted by the Ranau Dental Clinic and health screening for the purpose of identifying personal health status by government health clinics in the district.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAMAT... Ismawi menyampaikan sijil kepada salah seorang pelatih.

88 peratus pelatih JKM dapat kerja tetap

📍 Syamimi Husna 🕒 17 minit lepas 📍 SARAWAK 🕒 17 minit lepas

KOTA SAMARAHAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak menyasarkan untuk memperluaskan program latihan kemahiran kepada lebih ramai penerima bantuan bagi membuka laluan ke arah kehidupan yang lebih berdikari kepada mereka.

Pengarah JKM Sarawak, Ismawi Mohamad berkata, walaupun program sedia ada telah mencatatkan kejayaan memberangsangkan, jumlah penyertaan masih rendah berbanding keperluan semasa.

"Sehingga kini, hanya 224 peserta mengikuti Program Pembangunan Latihan Kemahiran dan Kerjaya sejak 2022, sedangkan bilangan penerima bantuan di Sarawak mencecah lebih 55,000 orang.

"Sebanyak 88 peratus daripada peserta yang telah tamat latihan berjaya mendapat pekerjaan tetap dalam bidang masing-masing.

Ini menunjukkan program ini berkesan, namun perlu dilaksanakan secara lebih meluas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Sijil Pelatih bagi Kursus Asas Scaffolding Peringkat 1 anjuran Cawangan Pembangunan Ekonomi JKM Sarawak di Institut Latihan Perindustrian (ILP) di sini, hari ini.

Menurut Ismawi, kursus selama 10 hari yang bermula 1 Julai sehingga 10 Julai depan itu disertai seramai 15 orang pelatih, terdiri daripada ahli keluarga penerima bantuan JKM.



RAKAM KENANGAN... Ismawi merakam kenangan bersama semua pelatih.

Katanya, mereka merupakan antara kumpulan sasaran yang dikenal pasti berpotensi untuk dilatih dan diserap ke dalam pasaran kerja.

"Ini bukan sekadar kursus. Ia adalah peluang kedua untuk mereka menebus masa lalu, membina kemahiran baharu dan mengubah masa depan keluarga," jelas Ismawi, merujuk kepada penglibatan bekas penghuni institusi dan pesalah muda dalam program tersebut.

Dalam masa yang sama, Ismawi turut memuji komitmen ibu bapa dan penjaga yang menyokong penyertaan anak-anak mereka.

Beliau memberi jaminan bahawa semua pelatih akan menerima tawaran kerja daripada syarikat yang telah dikenal pasti oleh penyedia latihan, langkah penting ke arah kestabilan pendapatan isi rumah.

"JKM Sarawak turut disaran untuk memperkukuh kerjasama strategik dengan penyedia latihan kemahiran dari sektor awam dan swasta, bagi membolehkan lebih banyak jenis kursus ditawarkan mengikut keperluan industri semasa.

"Kita tidak boleh bekerja secara silo. Kolaborasi dengan rakan industri akan membuka lebih banyak ruang latihan dan peluang pekerjaan kepada kumpulan sasar," tambah beliau.

Ismawi turut menyeru para majikan termasuk agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta untuk membuka lebih banyak ruang pekerjaan serta menawarkan insentif khas kepada kumpulan ini.

"Kita mahu mereka keluar daripada kebergantungan bantuan kerajaan. Dengan peluang yang betul, mereka mampu berdikari dan menyumbang semula kepada masyarakat," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bukti komitmen ESG

Dalia Amai
rencana@hmetro.com.my



DR Noraini (tengah) mengunjungi Karnival CSR.

MAJLIS tahunan berprestij yang mengangkat kredibiliti kelestarian dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bakal kembali apabila Sustainability & CSR Malaysia Awards dan Karnival CSR 2025 dijangka berlangsung di Kuala Lumpur pada 17 Julai ini.

Majlis anjuran Pertubuhan Amal Tanggungjawab Kemapanan dan Korporat Malaysia (National Body for Sustainability and Corporate Social Responsibility) bersama penerbitan CSR Malaysia itu diadakan bagi mengiktiraf syarikat-syarikat korporat yang memainkan peranan sebagai agen perubahan dalam transformasi sosio-ekonomi negara secara mampan dalam aspek Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG).

Menariknya majlis tahunan bertaraf nasional kali ke-10 berkenaan bakal dirasmikan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Amal Tanggungjawab Kemapanan dan Korporat Malaysia, Datuk R Rajendran, matlamat utama penganjuran itu bagi memperkukuhkan kesedaran berkenaan pentingnya aktiviti CSR dan kelestarian dalam menjamin daya tahan industri.

"Satu kajian yang dijalankan pertubuhan kami menunjukkan bahawa syarikat yang mengamalkan prinsip kelestarian mempunyai visi yang jelas terhadap kelangsungan syarikat dan membangunkan strategi yang menyokong matlamat itu.

"Syarikat-syarikat di Malaysia yang disenaraikan sebagai pemenang dalam edisi kali ini berjaya membuktikan komitmen ESG masing-masing dengan melaksanakan rantai bekalan hijau, mengurangkan pencemaran dan pembaziran, menghapuskan penggunaan plastik sekali guna, mengoptimumkan kitar hayat produk serta mempertingkatkan kecekapan tenaga dan air.

"Amalan buruh yang baik, kebajikan pekerja, kesihatan dan keselamatan serta sumbangan kepada komuniti juga adalah elemen penting yang telah diterapkan mereka," katanya.

Pemilihan bagi pemenang melalui proses yang ketat dengan penilaian dibuat barisan panel juri yang terdiri daripada pengamal media dan Ahli Lembaga Pertubuhan Amal Tanggungjawab Kemapanan dan Korporat Malaysia.

Sementara itu, Editor Pengurusan CSR Malaysia, Lee Seng Chee, memaklumkan bahawa penajajaran amalan syarikat yang selari dan tidak bercanggah dengan prinsip Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti yang dikemukakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) antara kriteria utama pemilihan penerima anugerah.

"Setiap syarikat yang disenarai pendek sebagai pemenang bukan sahaja mempunyai matlamat dan objektif inisiatif kelestarian yang jelas, malah turut konsisten melaksanakan program-program berkaitan CSR," katanya.

Bertemakan Melangkaui Keuntungan, Jadikan Dunia Kita Sebagai Tempat yang Lebih Baik, Sustainability & CSR Malaysia Awards turut mengangkat perjuangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui penganjuran Karnival CSR yang diadakan serentak.

Melalui karnival ini, hubungan dua hala antara NGO yang terdiri daripada badan kebajikan serta pertubuhan amal bersama-sama syarikat korporat dapat dipererat selain berpeluang menjalin kolaborasi dalam program-program CSR baharu di masa akan datang.

Penganjuran terdahulu menyaksikan syarikat-syarikat gergasi nasional serta multinasional dipilih sebagai pemenang.

Antaranya ialah Bank Rakyat, Pos Malaysia, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), YTL Construction, MR DIY, UDA Holdings, Prudential, UMW, FedEx, KFU, Mah Sing, Zakat Selangor, Standard Chartered Bank, Hong Leong Bank, Sunway, 7-Eleven, McDonald's, KPS Berhad, Watsons, Sarawak Energy, Malakoff, Bank Pembangunan, MCIS Insurance, Besraya, Flextronics, Kimberly-Clark, Canon, Uniqlo Malaysia, Alam Flora dan banyak lagi.

Pada masa sama, program CSR Malaysia banyak mendapat galaksi dan pembabitan dua tokoh kemasyarakatan terkenal iaitu mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Tan Sri Faizah Tahir serta aktivis sosial kebangsaan, Tan Sri Lee Lam Thye.

Lebih membanggakan, Sustainability & CSR Malaysia Awards dan Karnival CSR diperkenalkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejak penganjurannya dari tahun 2016 dengan kehadiran Menteri dan Timbalan Menteri.

Malah, pada tahun 2018 program itu dirasmikan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Disiarkan pada: Julai 9, 2025 @ 6:45am

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rumah dihempap pokok, ibu tunggal rayu bantuan

Nasional - Dicipta: 09 Julai 2025 08:26 PM



Nur Aimi menunjukkan keadaan rumahnya yang rosak dihempap pokok tumbang.

GUA MUSANG, 7 Julai – Seorang ibu tunggal melalui detik cemas apabila rumah usangnya hampir musnah dihempap pokok dalam kejadian di Kampung Kerinting, petang semalam.

Mangsa, Nur Aimi Farahin Ramli, yang tinggal bersama seorang anak lelaki berkata, kejadian berlaku sekitar pukul 6.45 petang ketika hujan lebat dan angin kencang melanda lebih setengah jam.

“Ketika kejadian, saya dengar bunyi kuat sangat atas bumbung. Saya meluru keluar dan tengok pokok tumbang dah tembus zink rumah.

“Bahagian dapur, bilik tidur dan bilik air rosak teruk. Sekarang ini terpaksa berteduh di bahagian ruang tamu...tidur pun kat situ,” katanya sebak.

Tambah menyedihkan, rumah berusia 50 tahun itu bakal dirobohkan tidak lama lagi kerana terlibat dalam projek pembinaan jalan, menjadikan masa depannya dan anak tidak menentu.

Nur Aimi merayu bantuan rumah yang lebih selesa kerana tidak mampu membaiki kediaman tersebut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal guna wang PTPTN anak tampung belanja harian

theSun

2025-07-09 05:38 PM



Gambar hiasan - fotoBERNAMA

DUNGUN: Kesempitan hidup memaksa seorang ibu tunggal menggunakan wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) anaknya untuk membeli barang dapur dan menampung perbelanjaan harian.

Zailawati Ismail, 41, dari Kampung Felda Jerangau, berkata kehidupan keluarganya berubah selepas suaminya, Ramli Mat Rahim, meninggal dunia dua tahun lalu akibat kemalangan ketika bekerja.

Wanita yang menghidap endometriosis kronik itu terpaksa menggunakan wang pinjaman PTPTN anak sulungnya, Nur Aina Najiha Ramli, 19, yang sedang belajar di sebuah kolej swasta di Kuantan, Pahang.

Wang itu digunakan untuk membeli keperluan harian dan kos perjalanan ke hospital.

"Saya tidak dapat melakukan kerja berat selepas disahkan endometriosis kronik enam tahun lepas. Semua pergerakan dan keupayaan saya terbatas," katanya.

Keluarga itu kini hanya bergantung pada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM400 sebulan.

Namun, jumlah itu tidak mencukupi kerana Zailawati mempunyai dua lagi anak yang masih bersekolah.

Anak lelakinya, Mohd Aiman Haikal, 16, terpaksa mencari upah selepas sekolah dengan memotong rumput dan mengait kelapa sawit untuk membantu keluarga.

Baru-baru ini, anak bongsunya, Nur Alia Batrisya, 12, patah kaki kiri selepas terjatuh ketika bermain bola jaring di sekolah.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menghubungi Zailawati di talian 013-9332122. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Saya berserah kepada Allah' - Ibu 5 anak hidap kanser rahim gagal rawatan kerana kekangan wang

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



NUR Hafizah (tiga kiri) bersama suami, Mohd Asri dan anak di kediaman di PPR Sungai Tiram di Ulu Tiram. FOTO Mary Victoria Dass

Johor Bahru: "Saya akui risikonya namun hanya berserah kepada Allah kerana tidak dapat meneruskan rawatan atas faktor kewangan keluarga," kata pesakit barah pangkal rahim, Nur Hafizah Omar, 37.

Ibu kepada lima cahaya mata itu berkata, dia didiagnos barah pangkal rahim tahap tiga selepas melakukan pemeriksaan di Hospital Sultan Ismail (HSI) awal tahun lalu, malangnya dia tidak dapat meneruskan rawatan atas faktor kesempitan hidup.

"Selepas didiagnos, saya dinasihatkan untuk menjalani pembedahan histerektomi bagi membuang rahim selain kemoterapi bagi memastikan kanser tidak merebak ke organ lain.

"Bagaimanapun saya tiada pilihan melainkan memakan ubat kampung atas faktor kewangan keluarga.

"Saya tidak pasti tahap kanser saya yang terbaharu namun tubuh saya mudah letih selain mengalami keguguran rambut," katanya.

Nur Hafizah berkata, pendapatan suaminya, Mohd Asri Ali, 39, hanya kira-kira RM800 sebulan sebagai pekerja pembersihan.

"Masalah terputus bekalan dapur bukan perkara baharu bagi kami malah anak keempat dan kelima iaitu bongsu berusia dua tahun dan lima tahun hanya meminum susu pekat kerana kami tidak mampu membeli susu tepung.

"Bayangkan kami terpaksa menyediakan tambang perkhidmatan e-hailing iaitu kos ulang-alik kira-kira RM50 dari tempat tinggalnya ke HSI bagi menjalani rawatan, ia di luar kemampuan," katanya ketika ditemui di Blok A, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Tiram di sini hari ini.

Nur Hafizah berkata, nasib keluarganya umpama jatuh ditimpa tangga selepas anak sulung, Muhammad Danish Iman, 14, patah kaki kiri dan tulang rahang selepas terjatuh bangunan Jumaat lalu.

Menurutnya, anaknya jatuh dari tingkat satu ketika bermain bersama rakan dan menerima rawatan di HSI sebelum dibenarkan pulang ke rumah.

Sementara itu, Mohd Asri berkata, kesempitan hidup menyebabkan keluarganya sering menerima sumbangan daripada jiran yang prihatin.

Menurutnya, keluarganya pernah menerima bantuan segera daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) selain bantuan bulanan RM300 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya tidak mampu bekerja berat kerana sebelum ini memiliki sejarah kemurungan. Syukur saya mampu menyara keluarga serta melaksanakan tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

"Harapan saya adalah isteri mendapatkan rawatan sesuai di hospital serta diberi kesembuhan," katanya.

Orang ramai yang bersimpati dan ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan menerusi akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) 0199541100302171 milik Nur Hafizah Omar.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa mengaku tidak bersalah cabul dua anak perempuan

09 Julai 2025, 3:03pm



Foto hiasan

SEREMBAN: Seorang pembantu kedai makan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua anak perempuannya antara 2022 hingga 2025.

Tertuduh berusia 45 tahun yang bekerja sebagai pembantu kedai makan bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Datin Surita Budin.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan yang ketika kejadian berusia 12 dan 13 tahun.

Perbuatan itu dilakukan pada hujung 2022 dan pertengahan 2023, jam lebih kurang 1 pagi sehingga 2 pagi di rumah sewanya di Senawang, di sini.

Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh melakukan perbuatan sama terhadap kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun di lokasi sama pada 2025, jam 1 pagi.

Berikutan itu tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14(b) dan Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Hukuman bagi Seksyen 14(b) dan Seksyen 14(a) adalah penjara maksimum 20 tahun dan sebat, manakala Seksyen 16 pula berdepan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan maksimum dua sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Balkis Zunaiddi memohon mahkamah menetapkan tarikh untuk laporan perubatan rasmi dan lantikan peguam serta menawarkan jaminan RM20,000 bagi setiap pertuduhan.

Beliau turut memohon syarat tambahan dikenakan iaitu tidak boleh mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan sehingga kes selesai, melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan dan menyerahkan pasport.

Dalam prosiding itu beliau memaklumkan mangsa kini berada dalam jagaan ibunya di Johor.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jaminan dikurangkan kerana hanya bekerja sebagai pembantu kedai makan dan kini diisytiharkan muflis.

Mahkamah menetapkan jaminan RM39,000 bagi kesemua pertuduhan dengan syarat-syarat tambahan dimohon Timbalan Pendakwa Raya.

Sebutan semula kes untuk serahan dokumen dan lantikan peguam pada 11 Ogos depan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TAK SEMPAT LOLOS KE SEBERANG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

SUSPEK UTAMA KES LIWAT, AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK LELAKI DICEKUP

Tak sempat lolos ke seberang

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang suspek utama dalam beberapa siri kes liwat dan amang seksual terhadap kanak-kanak lelaki sudah ditahan polis di Kuala Nerang, Kedah, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, suspek warga Pakistan yang disyaki terbabit dalam empat kes cabul dan liwat membabitkan kanak-kanak lelaki berusia

9 hingga 14 tahun serta seorang remaja lelaki berusia 19 tahun dipercayai melarikan diri ke utara tanah air.

"Bertindak atas maklumat, semalam (kelmarin) Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis (IPD) Shah Alam berjaya menangkap suspek utama yang berusia 25 tahun di Kuala Nerang sebelum dia sempat meloloskan diri ke negara jiran.

Turut ditangkap seorang lagi lelaki warga Pakistan yang berperanan membantu suspek menyembunyikan diri dari

pada dikesan polis.

"Kedua-dua suspek disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 iaitu sebanyak dua kes manakala dua lagi kes disiasat mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Iqbal berkata, permohonan reman ke atas kedua-dua suspek dibuat semalam di Mahkamah Majistret Shah Alam.

"Polis menasihatkan ibu bapa agar tidak memandangkan ringan soal kesela-

matan anak masing-masing dan jangan membiarkan mereka keluar bersendirian ke kawasan sunyi kerana berpotensi menjadi mangsa jenayah oleh individu tidak dikenali.

"Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat lanjut mengenai kejadian boleh berhubung dengan Pegawai Penerimaan Jenayah Inspektor

Siti Mahanira Mahat di talian 017-6444895," katanya.

Media sebelum ini melaporkan tular di beberapa platform media sosial kejadian beberapa kanak-kanak lelaki diliwat dan dicabul oleh seorang lelaki Pakistan di sekitar Seksyen 27 dan Seksyen 28, Shah Alam.

"Suspek utama ditangkap di Kuala Nerang Mohd Iqbal"



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PAKISTANI MAN ARRESTED FOR ALLEGED SODOMY OF SEVERAL BOYS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 10 JUL 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

TRIED TO FLEE COUNTRY

Pakistani man arrested for alleged sodomy of several boys

SHAH ALAM: A Pakistani man wanted by the police for allegedly sodomising and molesting several boys was arrested in Kedah just before he tried to flee the country on Tuesday.

Shah Alam police chief Assistant Commissioner Mohd Iqbal Ibrahim said the suspect, 25, was arrested in Durian Burung in Bal-ling.

"We believe the suspect was planning to flee to a neighbouring country."

"We also arrested another Pakistani man, who was believed to have tried to hide him," he said in a statement.

Iqbal said both suspects would be investigated under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act and that two other cases were being investigated under Section 377C of the Penal Code for carnal intercourse against the order of nature without consent.

"We advise parents not to take their children's safety lightly and to prevent letting them go out alone to isolated areas, as this increases the risk of them becoming easy targets for criminal acts," he said.

It was reported that police were looking for a Pakistani man to assist in investigations into the sexual molestation of several boys here.

The suspect, who is unemployed, was last known to be staying at the Taman Bunga Negara flats in Section 27.

The incidents took place in Sections 27 and 28, involving victims aged 9, 13, 14 and 19.

Four police reports have been lodged since April.

All the incidents are believed to have been committed by the same person.

The suspect's modus operandi involved asking the victims for help before taking them to a secluded area, where he would sodomise or molest them.

Four investigation papers have been opened.

Two are under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which provides for imprisonment of up to 20 years and whipping upon conviction.

The other two cases are being investigated under Section 377C of the Penal Code, which carries a maximum sentence of 20 years' imprisonment and whipping upon conviction.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : ON-THE-RUN PAKISTANI CHILD PREDATOR NABBED IN KEDAH TRYING TO FLEE COUNTRY

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 10 JUL 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

On-the-run Pakistani child predator nabbed in Kedah trying to flee country

SHAH ALAM: A Pakistani man suspected of sexually assaulting several boys in Section 27 and Section 28 here has been arrested in Kedah.

Shah Alam police chief ACP Mohd Iqbal Ibrahim said the 25-year-old suspect, linked to four cases involving male victims aged nine, 13, 14 and 19, was caught Tuesday in Durian Burung, Kuala Nerang while

allegedly trying to flee to a neighbouring country.

Another Pakistani man believed to have helped the suspect evade arrest was also detained.

"Two of the cases are being investigated under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, and the remaining two under Section 377C of the Penal Code

for committing unnatural sex," Mohd Iqbal said in a statement yesterday.

He said police would seek a remand order for both suspects to assist the ongoing investigation.

Previous news reports said several boys were believed to have been victims of molestation and sodomy by a Pakistani man in Shah Alam. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SUSPECTED SEX OFFENDER NABBED

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 10 JUL 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Suspected sex offender nabbed

SHAH ALAM: A 25-year-old suspected Pakistani serial sex fiend attempted to evade arrest by fleeing the country, but his effort was thwarted.

Police nabbed the suspect at Kuala Nerang, Kedah, just as he was about to cross the border.

OCPD Asst Comm Mohd Iqbal Ibrahim said the 25-year-old main suspect was detained on Tuesday along with a fellow countryman.

"The accomplice assisted the main suspect by hiding him from being tracked down by police.

"We are investigating the case under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 and Section 377C of the Penal Code," he said when contacted.

ACP Mohd Iqbal said both suspects would be remanded to assist investigations following four police reports lodged involving a serial sodomiser in Section 27 and 28, Shah Alam, since April.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SUSPECTED SEX OFFENDER ARRESTED

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 10 JUL 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Suspected sex offender arrested

SHAH ALAM: A Pakistani man suspected of sexually assaulting several boys in Section 27 and Section 28 here has been arrested in Kuala Nerang, Kedah.

Shah Alam police chief ACP Mohd Iqbal Ibrahim said the 25-year-old, linked to four cases involving male victims aged nine, 13, 14 and 19, was caught on Tuesday in Durian Burung, Kuala Nerang while allegedly trying to flee to a neighbouring country.

Another Pakistani man believed to have helped the suspect evade arrest was also detained, Bernama reported.

"Two cases are being probed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 and two under Section 377C of the Penal Code for committing unnatural sex."

He urged anyone with information to contact investigating officer Insp Siti Mahanira Mahat at 017-644 4895.


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga Pakistan, suspek utama kes liwat 4 kanak-kanak ditahan di Kedah

Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my



Gambar hiasan

Shah Alam: Suspek utama yang disyaki terbabit dalam beberapa siri kes liwat dan amang seksual terhadap kanak-kanak lelaki sudah ditahan polis di Kuala Nerang, Kedah semalam.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner [Mohd Iqbal Ibrahim](#) berkata, suspek warga Pakistan dikenali sebagai Muhammad Hassan disyaki terbabit dalam empat siri kejadian cabul dan liwat membabitkan kanak-kanak lelaki berusia 9, 13 dan 14 tahun serta seorang remaja lelaki berusia 19 tahun dipercayai melarikan diri ke utara tanah air.

"Bertindak atas maklumat, Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis (IPD) Shah Alam menangkap suspek utama berusia 25 tahun di Kuala Nerang, Kedah semalam, sebelum suspek sempat keluar ke negara jiran untuk melarikan diri.

"Turut ditangkap seorang lagi lelaki warga Pakistan yang berperanan membantu suspek utama menyembunyikan diri dari dikesan oleh pihak polis.

"Kedua-dua suspek akan disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 iaitu sebanyak dua kes manakala dua lagi kes disiasat mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Iqbal berkata, permohonan reman ke atas kedua-dua suspek juga dipohon di Mahkamah Majistret Shah Alam hari ini bagi meneruskan siasatan atas empat kertas siasatan.

"Polis menasihatkan ibu bapa agar tidak memandang ringan soal keselamatan anak-anak dan tidak membiarkan mereka bersendirian ke kawasan sunyi kerana berpotensi menjadi mangsa kelakuan jenayah oleh individu yang tidak dikenali.

"Pihak yang mempunyai maklumat lanjut mengenai kejadian boleh berhubung dengan Pegawai Penyiasat Jenayah Inspektor Siti Mahanira Binti Mahat di talian 017-6444895," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, tular di beberapa platform media sosial kejadian beberapa kanak-kanak lelaki diliwat dan dicabul oleh seorang lelaki warga Pakistan di sekitar Seksyen 27 dan Seksyen 28, Shah Alam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DUO HELD FOR ALLEGEDLY ROBBING, RAPING STUDENT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 10 JUL 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

OIL PALM PLANTATION IN PAGOH

Duo held for allegedly robbing, raping student

MUAR A 17-year-old was among two people arrested for allegedly robbing and raping a university student near an oil palm plantation in Pagoh on Monday.

The incident occurred at 7pm when the victim and her boyfriend, both in their 20s, and who were riding a motorcycle, were accosted by the two suspects near the estate.

It is learnt that the suspects took the victim's handbag containing RM250, but told the cou-

ple it was not enough.

One of the suspects then punched the victim's boyfriend in the face, causing him to fall.

The two suspects then took the victim to a nearby oil palm plantation, where they allegedly raped her.

Muar police chief Assistant Commissioner Raiz Mukhliz Azman Aziz said police tracked down the suspects after a report was lodged about 7pm on Tuesday.

"Following a tip-off, our Criminal Investigation Department team made two arrests early this (yesterday) morning. The suspects, aged 17 and 20, were arrested about 4am in Bakri and Bukit Pasir."

The case is being investigated under Section 375B of the Penal Code for gang rape, which carries a jail term of not less than 10 years and up to 30 years, and Section 394 for gang robbery causing injury, which provides for impris-

onment of up to 20 years, with possible whipping or fine.

Both suspects have been remanded.

Raiz urged anyone with information on the case to contact investigating officers Inspector Intan Norathirah Mohd Suhaidi at 016-9883520 or Inspector Vasanthan Kunasekaran at 012-5558700.

He warned the public against speculating on the case which could disrupt public order.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua remaja samun, 'ratah' pelajar IPTA dalam kebun sawit

Oleh MOHD SHARKAWI LONDING 9 Julai 2025, 1:01 pm



DUA remaja direman lima hari bermula hari ini selepas disyaki melakukan samun dan rogol ke atas pelajar sebuah IPTA di dalam kebun sawit di Panchor, Muar, Isnin lalu.

MUAR – Dua remaja termasuk seorang masih di bawah umur ditahan reman selepas disyaki menyamun dan merogol penuntut sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Pagoh, di sini Isnin lalu.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Fatin Dalilah Khalid ke atas suspek bermula hari ini.

Suspek berusia 19 tahun direman selama lima hari, manakala seorang lagi suspek berusia 17 tahun direman tiga hari.

Reman itu bagi membolehkan polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 395 dan Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Berdasarkan laporan dibuat, kejadian terkutuk itu berlaku pukul 8.30 malam, 7 Julai lalu ketika mangsa berusia 20 tahun membonceng motosikal bersama teman lelakinya berusia 23 tahun.

Ketika melalui Jalan Kampung Jawa, Panchor, pasangan itu ditahan kedua-dua suspek yang menaiki motosikal sebelum diminta menyerahkan wang tunai.

Suspek kemudian mengambil beg tangan mangsa berisi wang RM250, namun mereka memberitahu jumlah itu masih belum mencukupi.

Salah seorang suspek menumbuk muka mangsa lelaki menyebabkan dia terjatuh sebelum diminta meninggalkan teman wanita bersama mereka.

Kedua-dua suspek kemudian membawa mangsa menaiki motosikal menuju ke kebun sawit berdekatan lalu merogol gadis tersebut.

Selepas kejadian mangsa dihantar pulang oleh suspek ke kampus sebelum pasangan itu membuat laporan di Balai Polis Panchor. -KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



CEO Batu dituduh amang seksual bukan fizikal esok



Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM 9 Julai 2025, 6:35 pm

PETALING JAYA: Pempengaruh media sosial dikenali sebagai 'CEO Batu' yang disiasat berhubung kes amang seksual bukan fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 14 tahun akan dituduh di mahkamah esok.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, pertuduhan akan dibuat di Mahkamah Ampang mengikut Seksyen 15 (a) (i) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

"Suspek juga akan dituduh di Mahkamah Selayang pada Jumaat mengikut Seksyen 292 (a) Kanun Keseksan kerana menyimpan gambar lucah dalam telefon bimbit," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada 22 Mei lalu, suspek ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak dan direman selama empat hari.

Tempoh reman kemudian disambung sehari lagi bagi membantu siasatan lanjut.

Sebelum ini, polis memaklumkan bahawa perbuatan suspek terhadap mangsa dipercayai bermula sejak awal Mei lalu. – [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

Kemalangan, penderaan berterusan punca kecederaan di badan mangsa

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Ampang Jaya: Kecederaan pada badan lelaki yang mati di kediamannya di Taman Pandan Perdana, 22 Jun lalu adalah akibat kemalangan dan penderaan berterusan dilakukan suspek.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, kecederaan itu tiada kena mengena dengan unsur peminjam wang haram.

"Siasatan lanjut polis mendapati kesan kecederaan pada tubuh mangsa adalah berpunca dari kesan kemalangan dan penderaan berterusan dari kedua-dua suspek,"katanya dalam kenyataan, hari ini.

Semalam, Mohd Azam dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan daripada pegawai perubatan pada 7.16 malam hari kejadian.

Menurutnya, mangsa yang tinggal di dalam kereta yang diparkir di hadapan rumah suspek ditemui mati di kediaman berkenaan.

"Di peringkat awal, kes disiasat sebagai 'sudden death report' (mati mengejut) sebelum bedah siasat yang dijalankan dapati terdapat unsur jenayah,"katanya.

Susulan itu, dua suspek berusia 36 dan 73 tahun yang juga bapa dan anak ditahan bagi membantu siasatan.